From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: RISDA, RG Q-FORCE DAN SQS UUM SELARAS KAJIAN KEBERKESANAN "DASHBOARD" RAMALAN HARGA GETAH
Date: Monday, 21 September, 2026 9:53:49 AM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

21 SEPTEMBER 2026 / 9 RABIULAKHIR 1448H
==========


Oleh: Saadi Ahmad Kamaruddin, Nik Nadhilah Nik Mohd Yusoff dan Bahtiar Jamili Zaini
Gambar oleh: Zahayu Md. Yusof, Rosnalini Mansor dan Nur Syahirah Ibrahim

RISDA, RG Q-FORCE DAN SQS UUM SELARAS KAJIAN KEBERKESANAN *'DASHBOARD'* RAMALAN HARGA GETAH



UUM ONLINE: Pihak Ibu Pejabat Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) melalui inisiatif Kumpulan Penyelidikan *Quantitative Modelling & Forecasting Group* (Q-FORCE) bersama Universiti Utara Malaysia (UUM) menerusi Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS) telah mengadakan satu sesi perbincangan strategik menerusi platform persidangan video, baru-baru ini.

Penyelidik, Dr. Nur Syahirah Ibrahim berkata, perbincangan itu memfokuskan kepada penyelarasan Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Awal Papan Pemuka (Dashboard) Ramalan Harga Getah Fasa 1 serta pelaksanaan kerjasama antara kedua-dua belah pihak.



Mengangkat gagasan "Data Lebih Tepat, Keputusan Lebih Berimpak", antara agenda utama yang dibincangkan adalah Terma Rujukan (TOR) Kajian Keberkesanan yang memfokuskan kepada penjelasan skop, objektif, dan garis panduan pelaksanaan kajian. Langkah ini amat penting bagi memastikan instrumen yang dibangunkan dapat dilaksanakan secara sistematik serta memenuhi keperluan pihak berkepentingan.

Selain daripada aspek teknikal kajian, status semasa pelaksanaan Memorandum Persefahaman (MoU) antara RISDA dan SQS UUM turut menjadi agenda penting perjumpaan tersebut. Kedua-dua pihak telah meneliti langkah seterusnya bagi memperkukuh kerjasama khususnya dalam bidang analitik data, penyelidikan, serta pembangunan sistem sokongan keputusan.



Inisiatif pembangunan *dashboard* ramalan harga getah ini dilihat sangat bertepatan dengan wawasan "Inovasi Data Memperkasa Pekebun Kecil".

Ia bertujuan untuk menterjemahkan penggunaan data dan teknologi dalam membantu pekebun kecil membuat keputusan perladangan dan jualan yang lebih berinformasi, strategik, serta berasaskan data.



Sinergi dan kerjasama kukuh antara RISDA HQ, Kumpulan RG Q-Force, dan pihak kepakaran SQS UUM ini diharap dapat terus memacu aspirasi agensi, sekali gus memberikan sumbangan yang bermakna "Menuju Industri Getah yang Mampan dan Berdaya Saing".

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.